

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGKAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN**

**[ KOTA KINABALU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan jumlah pinjaman yang telah diluluskan oleh SME bank sejak penubuhannya, mengikut sektor ekonomi dan negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) yang telah diberi mandat untuk membantu pengembangan PKS tempatan, SME Bank sehingga kini telah meluluskan pembiayaan sebanyak **RM30.9 bilion** kepada **17,006 usahawan** sebagaimana perincian berikut:

i) Pecahan Pembiayaan Berdasarkan Sektor

<b>Sektor Ekonomi</b>	<b>Peratusan</b>
Perkhidmatan	58.8%
Pembinaan	15.6%
Perkilangan	14.0%
Minyak & Gas	10.5%
Perladangan	0.2%

Kelapa Sawit	0.8%
Perlombongan dan Kuari	0.1%
<b>Jumlah</b>	<b>100%</b>

ii) Pecahan Pembiayaan Berdasarkan Negeri

<b>Negeri</b>	<b>Peratusan</b>
Kuala Lumpur	31.20%
Selangor	16.30%
Sabah	9.20%
Johor	7.20%
Sarawak	6.00%
Terengganu	5.70%
Melaka	4.60%
Pahang	4.00%
Negeri Sembilan	2.90%
Pulau Pinang	2.90%
Kelantan	2.80%
Kedah	2.70%
Perlis	2.40%
Perak	2.00%
<b>Jumlah</b>	<b>100%</b>

2. Di antara program-program pembiayaan semasa yang ditawarkan kepada usahawan PKS seluruh negara adalah seperti berikut :-

- (i) **Program Pakej Pembiayaan untuk Kontraktor**
- (ii) **Program Pembiayaan Premis Perniagaan (i-3P)**
- (iii) **Program Business Accerator (BAP)**
- (iv) **Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)**
- (v) **Program MySMEBina**
- (vi) **Program Special Fund for Tourism (SFT3)**
- (vii) **Program Subordinated Financing (SFP)**

(viii) Program MySME Bekal

(ix) Program MYSMELady

(x) Program Pembiayaan Perniagaan Kecil (SBF)

3. Pihak Kementerian juga sentiasa mengkaji semula keberkesanan kesemua program-program tersebut seperti Program SME Lending yang telah dirasionalisasikan dan ditambah baik bagi memenuhi keperluan semasa PKS.

4. Di samping kemudahan pembiayaan, SME Bank juga melalui anak syarikatnya iaitu **Centre for Entrepreneur Development & Research Sdn. Bhd. (CEDAR)** turut menyediakan latihan keusahawanan bagi mempertingkatkan kemahiran usahawan dalam menguruskan perniagaan.

5. SME Bank turut memperkenalkan portal ScoreXcess yang boleh dilayari secara dalam talian bagi memudahkan proses permohonan pembiayaan menggunakan *Artificial Intelligence* (AI) dan skor kredit alternatif yang memberikan perspektif tambahan lebih baik kepada kelayakan kredit pemohon.

Sekian, terima kasih.